

RENCANA

Kaum Adam digesa dapatkan rawatan awal bagi isu kesihatan lelaki

Pakar urologi: Ramai pesakit derita dalam diam, keadaan sudah serius

RUBIAH MOHD
rubimohd@sph.com.sg

Rawatan awal boleh menyelamatkan nyawa, namun sikap menengguhkan rawatan atau memandangkan ringan simptom kesihatan, khususnya berkaitan kesihatan lelaki, masih menjadi cabaran besar dalam kalangan masyarakat Melayu Singapura, kata pakar urologi Dr Nor Azhari Mohd Zam, 50 tahun.

Dengan pengalaman lebih dua dekad yang luas dalam bidang rawatan penyakit berkaitan sistem kencing dan kesihatan reproduktif lelaki, Dr Nor Azhari menggesa masyarakat bersikap ‘ambil tahu’ atas kesihatan diri sendiri.

“Saya sering berdepan dengan pesakit yang hanya datang apabila keadaan mereka sudah teruk. Ini kerana ada yang takutkan rawatan, takutkan pembedahan, atau sekadar berserah kepada takdir,” ujar Dr Nor Azhari.

Beliau satu-satunya pakar urologi Melayu/ Islam di Singapura, menurut Persatuan Karayawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA).

Bidang urologi masih dianggap sensitif untuk dibincangkan secara terbuka, terutama dalam budaya Melayu.

Masalah seperti *erectile dysfunction* (ED) atau lemah syahwat, bukan saja menjejaskan kesihatan fizikal, bahkan boleh mengganggu kesejahteraan emosi serta hubungan perkahwinan.

“Masalah keintiman seperti ini boleh menjejaskan harga diri lelaki. Tetapi ramai yang tidak selesa berbincang dengan doktor, lebih-lebih lagi jika doktor tersebut lebih muda atau seor-

rang wanita,” tambah Dr Nor Azhari.

Laporan oleh Pendaftaran Barah Singapura bagi 2021 mendedahkan bahawa barah prostat merupakan barah paling lazim dalam kalangan lelaki di Singapura dalam tempoh 2017 hingga 2021.

Bagi tempoh itu juga, kajian menunjukkan barah prostat membentuk 16.8 peratus daripada kes barah dalam kalangan kaum lelaki, diikuti barah kolorektal (16.3 peratus) dan barah paru-paru (13.5 peratus) yang merupakan tiga jenis barah paling kerap dihadapi kalangan lelaki.

Menurut Dr Nor Azhari, ramai dalam masyarakat Melayu menganggap simptom seperti kerap membuang air kecil, aliran air kencing yang lemah, atau lemah syahwat sebagai perkara biasa yang datang bersama usia. Sikap itu, katanya, boleh membawa padah.

“Kebanyakan masalah ini, jika dikesan awal, boleh dirawat dengan berkesan. Ada juga simptom yang mungkin menandakan penyakit serius seperti barah prostat atau batu karang. Jadi kesedaran itu amat penting,” jelasnya.

Keengganan untuk berbicara secara terbuka mengakibatkan ramai pesakit memilih untuk berdiam diri dan terus menderita dalam diam.

“Kita perlu menyediakan ruang selamat untuk berbincang tentang kesihatan lelaki tanpa prejudis atau rasa malu.

“Apabila pesakit rasa difahami, mereka lebih bersedia untuk mendapatkan rawatan,” ujar pakar yang mengendalikan pelbagai jenis rawatan termasuk barah salur kencing, ke-



Dr Nor Azhari Mohd Zam menggesa masyarakat Melayu supaya lebih peka dengan kesihatan diri dan tingkat sikap ‘ambil tahu’. – Foto BM oleh NUR DIYANA TAHA

“Saya sering berdepan dengan pesakit yang hanya datang apabila keadaan mereka sudah teruk. Ini kerana ada yang takutkan rawatan, takutkan pembedahan, atau sekadar berserah kepada takdir.”

– Dr Nor Azhari Mohd Zam, pakar urologi.

sihatan lelaki dan rawatan komprehensif batu karang.

Bidang kepakaran utamanya ialah dalam rawatan menyeluruh bagi penyakit batu karang, dan Dr Nor Azhari pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Endourologi (perkhidmatan rawatan batu karang) di Hospital Besar Singapura (SGH) selama hampir lapan tahun sebelum beralih ke amalan persendirian di bawah kumpulan Asian Healthcare Specialists (AHS), beroperasi daripada dua cawangan mereka di Novena dan Alvernia.

“Pemakanan dan gaya hidup sihat dapat mencegah penyakit, tidak merokok dan menjaga berat badan juga penting,” terangnya lagi.

Yang lebih membimbangkan, laporan Pen-

daftar Barah Singapura itu juga menunjukkan bahawa kadar kematian akibat barah dalam kalangan masyarakat Melayu telah melepasi kaum Cina sejak 2013, menjadikan orang Melayu sebagai kumpulan etnik dengan kadar kematian barah tertinggi sejak itu.

Dalam tempoh 2017 hingga 2021, kadar kematian akibat barah bagi masyarakat Melayu meningkat kepada 91.3 bagi setiap 100,000 penduduk.

Sebaliknya, kadar dalam kalangan kaum Cina dan India menunjukkan penurunan, masing-masing kepada 72.5 dan 55.1 bagi setiap 100,000 penduduk.

“Ini adalah angka yang membimbangkan, kerana jumlah kadar kematian masyarakat

Melayu yang menghidap barah telah mengatasi kaum lain, dan angkanya semakin meningkat.

“Ini disebabkan beberapa fakta, tidak menghiraukan simptom pada jangka masa yang lama, dan apabila berjumpa doktor pada saat akhir, didapati sudah terlambat atau pada tahap kritikal, menyukarkan rawatan,” jelas Dr Nor Azhari.

Beliau menambah, adakalanya pesakit tidak patuh dengan nasihat doktor sewaktu rawatan, ataupun takut menghadapi pembedahan selain sikap cepat berserah dan reda tanpa usaha.

Untuk memastikan akses rawatan tersedia buat semua, Dr Nor Azhari turut menawarkan konsultasi maya menerusi wadah Doctor Anywhere – khidmat teleperubatan yang membolehkan pesakit mendapatkan nasihat awal dengan lebih mudah.

Namun begitu, beliau mengingatkan bahawa diagnosis tepat tetap memerlukan pemeriksaan fizikal dan ujian makmal yang tidak boleh diganti dengan konsultasi dalam talian semata-mata.

“Kesihatan adalah amanah. Jangan tunggu sehingga sakit menjadi parah. Amalkan sikap mencari rawatan awal. Ia bukan sahaja dapat menyelamatkan kesihatan fizikal, tetapi juga kesejahteraan hidup secara keseluruhan.”

Berita Harian
Segalanya Di Hujung Jari Anda

Utamakan Keselesaan

Penghantaran surat khabar ke alamat anda setiap hari



PAKEJ SEMUA-DALAM-SATU BH

Hanya **\$18.99** sebulan



Kiriman surat khabar melalui peti surat / depan pintu bergantung pada kawasan kediaman

Baca BH secara digital di BH.sg atau aplikasi BH melalui 4 peranti

Akses kepada e-akhbar dengan arkib 2-minggu

Diskaun ke acara atau tawaran istimewa di restoran baru

LANGGANI
SEKARANG



Imbas kod QR atau layari bhsb.sub.sph.com.sg/akhbarBH atau hubungi **6388 3838**

Tidak termasuk bayaran penghantaran bulanan \$3/\$4/\$5 bergantung pada jenis kediaman anda. Tertakluk pada terma dan syarat. Talian Khidmat Pelanggan kami beroperasi dari Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi hingga 6 petang, tidak termasuk Hari Cuti Umum.